



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 01 / 2022

PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN
DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN DISEMBER
TAHUN 2021 (DPT BLN12/2021)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Disember Tahun 2021 (DPT BLN12/2021)** telah diperaku dan diwartakan pada hari ini **14 Januari 2022**. DPT BLN 12/2021 ini dibuka untuk semakan selama **6 bulan** mulai **14 Januari 2022** hingga **13 Julai 2022**.
2. DPT BLN12/2021 ini mengandungi nama bagi **5,718,760** orang warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas sehingga 31 Disember 2021 yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu, **25,220** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **9,293** orang pemilih bertukar status/kategori pengundi.
3. SPR menyediakan 4 kaedah semakan bagi DPT BLN12/2021 iaitu seperti berikut:
 - (a) Portal SPR di pautan <https://www.spr.gov.my>; atau <https://mysprsemak.spr.gov.my>;
 - (b) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**;
 - (c) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>; atau
 - (d) Hotline SPR di talian **03-8892 7018**.
4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas sehingga 31 Disember 2021 dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran status untuk menyemak nama mereka dalam DPT

BLN12/2021. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN12/2021, mereka boleh membuat TUNTUTAN dengan mengisi Borang C secara dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>** atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.

5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat BANTAHAN ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi Borang D dan hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat - Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja** sepanjang tempoh semakan DPT BLN12/2021.
7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN12/2021 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau hubungi Hotline SPR di talian **03-8892 7018** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

14 Januari 2022 / 11 Jamadilakhir 1443